



**JKKP
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**SEMINAR
KESIHATAN PEKERJAAN
PERINGKAT KEBANGSAAN 2017**

**Ucapan Aluan:
YBRS IR. HJ. KORMAIN BIN MOHD NOOR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(KESIHATAN PEKERJAAN)
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

7 September 2017 | Hospital Kuala Lumpur

Assalamualaikum w.b.k.t , Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

(Mohon Rujuk Senarai Protokol)

1. Alhamdulillah, pada hari ini sama-sama kita dapat berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Seminar Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2017.
2. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia** kerana sudi hadir bagi menyampaikan ucap tama seterusnya merasmikan program kita pada pagi ini.
3. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas komitmen yang diberikan bagi memastikan kelancaran majlis ini. Saya berasa bangga kerana seminar yang berlangsung selama 2 hari ini telah menarik minat hampir 150 orang peserta yang terdiri daripada para pengurusan tertinggi hospital dan juga pakar-pakar perubatan di seluruh Negara. Sesungguhnya komitmen yang ditunjukkan tuan/puan amatlah saya hargai dan tahniah diucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Dalam usaha mencapai status Negara maju menjelang tahun 2020, kepesatan dan kemajuan sains dan teknologi dilihat banyak memberikan impak yang positif terutamanya dalam meningkatkan daya saing dan permintaan terhadap hasil produk dan tenaga kerja mahir di semua sektor. Ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kerana ia bukan sahaja menyumbang keuntungan kepada syarikat-syarikat bahkan turut menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia khususnya.
5. Walau bagaimanapun, jika berlaku penyakit dan keracunan di tempat kerja ianya akan memberikan kesan buruk kepada negara secara amnya serta kesan kepada organisasi terlibat khususnya. Ianya akan mengakibatkan kerugian kepada organisasi terlibat antaranya ialah penurunan produktiviti kerja disebabkan kehilangan hari bekerja (*Loss Time Injury*) selain daripada bayaran ganti rugi, kos perubatan, pampasan perlu diberi kepada mangsa ataupun keluarga mangsa. Ini sekaligus menjejaskan usaha Negara dalam mencapai status Negara maju. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan dalam memastikan penyakit dan keracunan di tempat kerja ini dapat dikawal.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Penganjuran Seminar pada hari ini adalah bertujuan untuk:

- I. **memberi penerangan** kepada Pengarah-pengarah dan Pakar-pakar Perubatan berkaitan dengan peraturan-peraturan di bawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994;
- II. **meningkatkan pengetahuan** dalam diagnosis penyakit dan keracunan pekerjaan;
- III. **memberi penerangan secara terperinci untuk penyediaan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan** serta cara dan kaedah untuk menjalankan pengawasan perubatan.

Saya berharap dengan adanya seminar ini diharap Pengarah-pengarah Hospital dan Pakar-pakar perubatan dapat menyampaikan maklumat yang diperolehi kepada pegawai-pegawai yang terlibat di tempat masing-masing.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berbahagia Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman,**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia dan dif-dif jemputan di atas kesudian hadir ke Majlis Perasmian Seminar Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2017.

8. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan WP Kuala Lumpur dan Hospital Kuala Lumpur di atas usaha dan kejayaan dalam menjayakan program ini.

Sekian. Terima kasih.